



PEJABAT TIMBALAN SETIAUSAHA KERAJAAN (PENGURUSAN)
TINGKAT 18
BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH
40503 SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN

Tel: 03 5544 7060/7061
Fax: 03 5510 1088
Portal Rasmi: www.selangor.gov.my

Ruj. kami: IPK.Sel.BKP.Pent.100-3/2/3 (13)
Tarikh : 19 Syaaban 1441H
13 April 2020

YB Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor

Semua Ketua Jabatan/Agensi Negeri Selangor Darul Ehsan

Semua Pegawai Daerah Negeri Selangor Darul Ehsan

Semua Datuk Bandar/Yang Dipertua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor Darul Ehsan

Semua Ketua Jabatan Badan – Badan Berkanun dan Anak – Anak Syarikat

Semua Setiausaha Bahagian/Timbangan Pengarah/Ketua Penolong Setiausaha/ Sekretariat Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan

YB Dato'/YAD Dato' Setia/YBhg. Dato'/YBhg. Datuk/YBhg. Datin Paduka/Tuan/ Puan,

PENANGGUHAN SOLAT JUMAAT, SOLAT SECARA BERJEMAAH DAN AKTIVITI – AKTIVITI CERAMAH DAN KULIAH DI SEMUA MASJID, SURAU DAN MUSOLLA DI NEGERI SELANGOR

Dengan hormatnya saya memohon perhatian YB Dato'/YAD Dato' Setia/ YBhg. Dato'/YBhg. Datuk/YBhg. Datin Paduka/Tuan/Puan mengenai perkara di atas.

2. Selaras dengan Kenyataan Rasmi yang dikeluarkan oleh Pejabat D.Y.M.M Sultan Selangor bertarikh 13 April 2020, bagi mengurangkan jangkitan wabak Covid-19 di Negeri Selangor dan sebagai usaha memutuskan rantai penularannya, adalah dimaklumkan bahawa D.Y.M.M Sultan Selangor telah menitahkan supaya langkah – langkah berikut diambil berkuatkuasa serta merta:

- i. Tempoh penangguhan Solat Jumaat, solat secara berjemaah dan aktiviti – aktiviti ceramah dan kuliah di semua Masjid, Surau dan Musolla di Negeri Selangor **DILANJUTKAN** sehingga **31 Mei 2020** bagi. Namun demikian, jika sekiranya wabak ini dapat dibendung dan diatasi dalam satu tempoh yang lebih awal maka satu arahan baru akan dikeluarkan.

..12

(Sila catatkan rujukan kami apabila berhubung)



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT NO QMS 02059

PENANGGUHAN SOLAT JUMAAT, SOLAT SECARA BERJEMAAH DAN AKTIVITI – AKTIVITI CERAMAH DAN KULIAH DI SEMUA MASJID, SURAU DAN MUSOLLA DI NEGERI SELANGOR

- ii. Solat Jumaat hendaklah digantikan dengan Solat Zohor dan Solat – Solat Fardhu serta Solat Sunat Tarawih di bulan Ramadan tahun ini hendaklah dilakukan di rumah masing – masing.
 - iii. Setiap rakyat perlulah lebih serius dalam usaha mencegah jangkitan wabak ini dengan duduk di rumah, menjaga kebersihan diri dan kesihatan serta mengamalkan penjarakan social (*social distancing*).
 - iv. Patuhi peraturan dan arahan Kerajaan serta ikuti garis panduan terkini yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan.
3. Baginda menegaskan adalah sangat penting supaya semua perkara – perkara tersebut dipatuhi bagi mengelakkan rakyat daripada berhimpun atau berkumpul yang boleh meningkatkan risiko jangkitan Covid-19.
4. Selain daripada itu, ekoran isu penyebaran berita palsu (*fake news*) dan video – video palsu (*fake videos*) berkaitan wabak ini yang semakin menular, Baginda turut mengingatkan semua pihak supaya lebih bertanggungjawab dan tidak mereka – reka berita palsu (*fake news*) yang boleh menimbulkan kegelisahan di kalangan rakyat. Baginda juga berharap agar rakyat tidak mudah mempercayai dan hendaklah menyemak terlebih dahulu kesahihan setiap berita yang diterima di media sosial.

Semoga wabak Covid-19 yang melanda dapat berakhir dengan segera dan segala kerjasama bagi memastikan penularan wabak ini dapat dibendung adalah dihargai.

Sekian. Terima kasih.

“SELANGOR MAJU BERSAMA”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' ZAMANI AHMAD BIN MANSOR) D.P.M.S
Bilik Gerakan Negeri Selangor